# PELITA BRUNEI

**AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI**

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 21 BILANGAN 23 — RABU 9HB. JUN, 1976. — رابو 11 جماديالاخير 1396 — PERCHUMA




Yang Berhormat Malai Haji Mashhor bin Malai Haji Abdul Hamid.

# KEKALKAN KEAMANAN, KETENTERAMAN DAN KESELAMATAN NEGERA

KAMPONG SUNGAI TERABAN, Kuala Belait. — Raayat yang mengaku Brunei ini tanah ayer-nya, tanah tumpah darah-nya serta tempat hidup dan mati-nya; hendak-lah berikrar kapada diri-nya sendiri supaya bertanggongjawab demi mengekalkan keamanan ketenteraman dan keselamatan Negeri Brunei, yang telah ujud serta sedang kita nekmati sekarang ini.

Perbuatan2 liar dan yang tidak bertanggongjawab itu ada-lah semata2 merugikan diri sendiri dan keluarga serta ia-nya ada-lah juga suatu pengkhianatan terhadap bangsa, ugama dan tanah ayer yang terchinta ini — Brunei Darussalam.

Ini telah di-tekankan oleh Yang Berhormat Malai Haji Mashhor bin Malai Haji Abdul Hamid, Ahli Yang Berhormat dari Pekan Seria, salah sa-orang yang hadhir turut menyampaikan uchapan nasehat-nya kapada pendudok kampong di-sini, pada hari Jumaat yang baru lalu.

*— Perbuatan2 liar Hanya merugikan diri sendiri, dan keluarga serta pengkhianatan kapada bangsa, ugama dan tanah ayer*

Menurut Yang Berhormat itu lagi bahawa pada tanggal 31hb Mei, 1976 yang lalu, kita telah sama2 menyaksikan suatu hari yang bersejarah, ia-itu, Hari Ulang Tahun Askar Melayu Diraja Brunei, yang Ke-15. Dari sini kita dapat menyaksikan dengan mata kepala kita betapa kebolehan anak2 kita dapat mengendalikan sendiri senjata2 dan alat kelengkapan perang sachara moden.

Di-darat, di-laut dan di-udara, boleh bukan? Tanya Yang Berhormat itu.

"Di-Jabatan2 Kerajaan sekarang ini, boleh di-katakan banyak juga sudah anak2 kita yang boleh memegang peranan yang terpenting; di-Jabatan Setia Usaha Kerajaan, ada banyak yang mempunyai kelulusan tinggi, di-Jabatan Kesihatan dan Perubatan, ada anak negeri kita sendiri sudah menjadi Doktor, di-Jabatan Kerja Raya pula, ada anak kita yang sudah boleh menjadi Jurutera dan lain2," kata Yang Berhormat itu.

Ini menunjokkan, bahawa anak2 kita sekarang sudah banyak yang boleh dan berkebolehan, asalkan kita berusaha demi berusaha, ujar beliau.

"Chontoh-nya, di-luar negeri ada Talivishen—Kita di-Brunei lagi sudah ada Talivishen Berwarna. Di-luar negeri ada Radio—Kita di-Brunei pun sudah lama mempunyai Steshen Radio. Di-luar negeri ada lapangan terbang antara bangsa — Kita di-Brunei pun sudah mempunyai lapangan terbang antara bangsa yang termoden dan seumpama-nya," kata beliau.

Ini semua menunjokkan ada-lah kerana usaha demi usaha oleh Kerajaan DYMM,

**Lihat muka 12**

## MANGSA JALAN RAYA MENINGKAT 21 ORANG

BANDAR SERI BEGAWAN. —Sa-orang budak lelaki berumor 5 tahun telah terbunoh sa-telah di-langgar oleh sabuah kereta di-Jalan Sumbiling, di-depan Asrama Jururawat, di-sini, minggu lalu, pada kira2 pukul 7.30 malam ketika budak tersebut hendak menyeberangi jalan.

Sufri anak Ahar telah di-kejarkan ka-rumahsakit, tetapi meninggal dunia sa-masa dalam perjalanan.

Kematian Sufri anak Ahar ini ada-lah kematian yang pertama bagi bulan Jun ini dan dengan ini angka kematian akibat kemalangan jalan raya telah meningkat menjadi 21 orang berbanding dengan 16 orang kematian bagi sa-panjang tahun 1975 yang lalu.

## *Rumahan, Temenong Kechuali jenis2 Kerang*

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pemangku Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan, Yang Berhormat Dr. Awang Haji Johar bin Dato Paduka Haji Nordin, mengumumkan bahawa pelarangan memakan ikan2 rumahan dan temanong telah di-tarek balek dan dengan ini orang ramai boleh-lah memakan ikan2 tersebut saperti biasa.

Ada-lah di-fahamkan bahawa orang ramai maseh lagi di-larang memakan jenis2 kerang yang di-sahkan maseh mengandongi rachun akibat Ayer Merah, yang pernah melanda Telok Brunei pada bulan Mach yang lalu.

Menurut pengumuman itu lagi bahawa pehak berkenaan Jabatan Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan, maseh mengadakan penyelidekan serta penyiasatan terhadap jenis2 kerang, dari semasa ka-semasa.

## $450 ribu Masjid Kg. Labi

LABI, Daerah Belait.—Pembenaan sa-buah masjid di-sini yang menelan belanja $450,000 itu hampir siap yang mengandongi 2 buah rumah kelas "F".

Di-fahamkan sa-lanjut-nya bahawa pembenaan masjid tersebut sa-patut-nya siap pada tahun 1975 yang lalu. Tetapi kerja2 pembenaan-nya tergendala ada-lah di-sebabkan oleh kekurangan bahan2 benaan.

## Ranchangan Penyelidekan Perpindahan dan Perumahan

**BANDAR SERI BEGAWAN. —Jabatan Perpindahan Brunei, di-bawah Ranchangan Kemajuan Lima Tahun, sedang menjalankan satu penyelidekan mengenai dengan keperluan perpindahan dan perumahan bagi raayat dan penduduok2 tetap Brunei.**

Menurut juruchakap dari Jabatan Perpindahan bahawa raayat dan pendudok2 tetap di-negeri ini yang tidak termasok dalam penyelidekan2 yang telah di-jalankan lebeh awal oleh Jabatan tersebut, boleh-lah menyertai penyelidekan ini.

Sa-lanjut-nya di-fahamkan bahawa Borang2 Penyelidekan boleh-lah di-dapati dari Jabatan tersebut, Jalan Pehin Dato Isa, di-sini, pada waktu bekerja.

Borang2 Penyelidekan itu

**Lihat muka 12**

PELITA BRUNEI

9HB. JUN, 1976

# HARI PERAJURIT KITANI

TIDAK dapat di-sangkal oleh sesiapa pun bahawa Sambutan Hari Ulang Tahun AMDB yang ke-15 jatoh pada tanggal 31hb Mei, 1976 yang lalu itu sesunggoh-nya di-anggap hari yang bersejarah. Bersejarah bagi Perajurit Kitani, yang bertugas tidak mengira siang, malam, hujan, panas dan penat lelah kerana menjalankan tanggongjawab yang suchi demi memelihara keamanan dan ketenteraman negeri kita yang terchinta — Brunei Darussalam.

Melihat dari wajah Perajurit Kitani yang di-lengkapi dengan alat senjata moden; di-darat, di-laut dan di-udara itu sudah barang tentu kita berasa megah di-samping terpanchar sinar gembira kerana terlalu besar erti-nya bagi kita di-Brunei ini bahawa Hari Perajurit Kitani itu tidak dapat di-nilai dengan wang ringgit atau mata benda.

Bermula pada tanggal 31hb Mei, 1961, AMDB telah di-tubohkan dengan sa-ramai chuma 59 orang. Pada tahun 1964 AMDB menjadi 354 orang. Pada tahun 1964 ini juga dengan kemurahan hati Kerajaan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Queen, meminjamkan Pegawai2-nya bagi melateh pasokan AMDB. Berkat pimpinan yang ikhlas yang telah di-amanahkan itu tadi maka AMDB telah berkembang subor kapada satu angkatan yang kuat yang ada pada hari ini berjumlah 124 Pegawai dan lebeh 2,000 orang anggota yang lain, menjadikan Pasokan AMDB kapada 2 Battalion.

Hari ini, Perajurit Kitani telah dapat memperlihatkan kebolehan serta kechekapan yang luar dari dugaan; memandang dari usia-nya baru menchapai ke-15 tahun. Dan dalam jangka waktu yang pendek ini AMDB telah berkembang dengan pestat-nya. Perkembangan-nya ini akan berterusan mengikut sistem pertahanan yang di-perlukan oleh Negeri Brunei.

Satu sejarah yang tidak dapat di-lupakan oleh Perajurit kitani bahawa ka-Majlis Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin, ketika Baginda itu menjadi Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei, pada 31hb Mei, 1965 Baginda telah dengan limpah kornia menganugerahkan gelaran "Di-Raja" dan juga telah berkenan menjadi Kolonel-In-Chief. Sa-tahun kemudian Baginda sa-kali lagi dengan limpah kornia telah menganugerahkan "Panji2 Pasokan".

Pada 31hb Mei, 1971, ia-itu hari jadi kali ke-10 Pasokan AMDB, Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei, Sir Muda Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Wadaullah, telah menganugerahkan Panji2 Duli Yang Maha Mulia Sultan kapada Pasokan ini. Panji2 yang ada di-gelar sa-mula kapada Panji2 Kolonel-In-Chief. Dan pada masa itu juga satu ikatan rasmi di-antara Pasokan AMDB ini dengan Pasokan ke-2 King Edward VII Gurkha Rifles.

Pada awal tahun 1972 Pasokan AMDB telah menyusun sa-mula penyelenggaraan pentadbiran Pasokan Ketumbokan-nya dengan gelaran Battalion Pertama dan Chawangan Udara. Angkatan Laut Pertama dan Depot dan Chawangan Latehan menjadi sub-unit2 yang bersendirian bertanggong-jawab terus kapada Pemerentah Pasokan.

Pada Bulan Mei, 1975, Battalion Kedua telah pun di-tubohkan dan Markas Pasokan pun turut membesar untok menyelanggarakan sa-jumlah 5 buah unit2. Battalion Kedua ini telah pun mulai berpindah ka-Khemah baru di-Tutong. Demikian juga kerja2 sedang di-perchepatkan di-Muara untok menempatkan Pasokan Angkatan Laut Pertama yang sedang membesar itu.

Pasokan AMDB, pada hari ini telah mampu mempunyai satu angkatan tentera yang kuat (di-samping Pasokan Pulis Diraja Brunei, Pasokan Penchegah Rusohan dan Pasokan Pulis Tambahan) bagi menghadapi sa-barang kemungkinan dari dalam negeri atau pun dari luar. Bukan sa-takat ini sahaja tetapi angkatan AMDB kita telah memboktikan kemampuan mereka itu turut menjalani beberapa latehan di-seberang laut di-samping menchari pengalaman2 yang berguna.

Akhir-nya, tiada kata sechantek bahasa yang dapat di-guriskan di-sini sa-lain dari do'a restu di-sertai dengan menaborkan beras kuning dari raayat, semoga Perajurit Kitani akan berdiri tegoh di-belakang Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan, demi mempertahankan kedaulatan bangsa dan negara — Brunei Darussalam, mengikut landasan yang di-redzai oleh Allah jua.

# AHLI J/KUASA SEK. MEN. MELAYU MUDA HASHIM, TUTONG BAGI 1976



YANG Mulia Dato Awang Haji Abdul Salam bin Abdul Razak, telah di-pilch menjadi Pengerusi Ahli Jawatan Kuasa Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim, Tutong, bagi tahun 1976/1977.

Pemilehan tersebut di-buat dalam suatu mashuarat yang telah di-adakan di-Dewan Kumpol Sekolah tersebut pada bulan Mei yang lalu.

Dalam mashuarat tersebut juga telah melantek Timbalan Pengerusi-nya: Pengetua SMMM. Hashim, Che'gu Mohd. Shah bin Imam Haji Ahmad, Setia Usaha: Guru Kanan SMMM. Hashim, Che'gu Ismi bin Ahmad, Timbalan S/Usaha: Awang Merusain bin Haji Tahir, Bendahari: Awang Haji Akip bin A. Ghani, Timbalan Bendahari: Awang Haji Ideris bin Hj. Md. Said, Pemereksa Kira2: Penghulu Awang Abang bin Sa'at dan Che'gu Anuar bin Ahmad serta melantek sembilan orang Ahli2 Jawatan Kuasa.

Gambar di-atas: Dari kiri Ustazah Norliah Taha (Ahli), Che'gu Maisalamah Daud (Ahli), Che'gu Rosni Abd. Rahman (Ahli), Awg. Haji Idris Hj. Md. Said (Timbalan Bendahari), Che'gu Ismi Ahmid (Setia Usaha), Dato Hj. Abd. Salam Abd. Razak (Pengerusi), Che'gu Mohd. Shah Hj. Ahmad (Timbalan Pengerusi), Awg. Hj. Akif A. Ghani (Bendahari), Penghulu Awg. Abang Saat (Pemereksa Kira2), Penghulu Simpul Abd. Latif (Ahli), Awg. Badaruddin Senudin (Ahli), Che'gu Md. Zain Tengah (Ahli), Che'gu Annuar bin Ahmad (Pemereksa Kira2).

# PERLAWANAN TARIK KALAT DAERAH TUTONG

TUTONG. — Sempena dengan Hari Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan ke-30, satu achara yang menarek, ia-itu perlawanan Tarek Kalat akan di-adakan pada akhir bulan Jun ini.

Perlawanan tersebut terbuka kapada Jabatan2 Kerajaan, Kampong2, Persatuan2 Belia dan Badan2 Perniagaan bagi Daerah Tutong sahaja; terbahagi kapada dua bahagian ia-itu lelaki dan perempuan.

Menurut sa-orang juru chakap penganjor perlawanan ini bahawa borang2 untok menyertai perlawanan ini telah pun di-hantar kapada pehak Jabatan2 Kerajaan, Ketua2 Kampong, Persatuan2 Belia dan Pengurus Badan2 Perniagaan di-sini.

Sa-lanjut-nya di-fahamkan bahawa borang2 hendak-lah di-hantar kapada Awang Md. Noor bin A. Besar, Pejabat Perubatan dan Kesihatan, Tutong atau kapada Setia Usaha Perlawanan Tarik kalat, Awang Ahmad bin Haji Munchong, Perpustakaan, Dewan Bahasa dan Pustaka, Tutong, tidak lewat dari 15hb Jun, 1976 ini.

# Pertandingan Bintang Radio Bhg. Tiong Hua 1976/1977

KUALA BELAIT. — Sharikat Kebudayaan Buni, Seria, akan menganjorkan satu pertandingan Bintang Radio sa-negeri dalam bahagian Tiong Hua.

Tuan punya Shraikat tersebut, Awang Chong Ying Chee menerangkan bahawa pertandingan tersebut akan terbahagi kapada dua bahagian ia-itu bahagian lelaki dan wanita.

Pertandingan perengkat separoh akhir akan di-adakan di-Dewan Sekolah Menengah Chung Hwa, Kuala Belait, pada 12hb Jun, 1976. Sementara pertandingan perengkat akhir peraduan tersebut akan di-adakan pada 7hb Ogos dan tempat-nya akan di-umumkan kelak.

Johan pertandingan tersebut akan di-hadiahkan sa-buah oskar perak, wang tunai $100.00 dan satu tiket penerbangan ulang alek ka-Singapura. Sementara Naib Johan-nya pula akan menerima sa-buah oskar perak serta wang tunai sa-banyak $50.00 dan pemenang Ketiga pula akan menerima sa-buah piala dan wang tunai sa-banyak $30.00.

Ada-lah juga di-fahamkan bahawa beberapa orang peserta Melayu akan turut mengambil bahagian.

# Peraduan Seni Lukis di-Dewan Bahasa

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu Peraduan Seni Lukis sempena sambutan Hari Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan yang ke-30, akan di-adakan pada 16 Julai akan datang, bertempat di-Dewan Bahasa dan Pustaka di-sini.

Pengurusi Peraduan tersebut menyatakan bahawa lukisan2 hendak-lah di-hantar ka-dewan itu tidak lewat pada 14 Julai.

Peraduan Seni Lukis itu terbuka kapada orang ramai termasok penuntut2 sekolah menengah dan maktab2. Dan peraduan tersebut itu terbahagi kapada bahagian alam benda, orang2 kenamaan di-Brunei, pemandangan di-Brunei dan lukisan batek.




# BERIMAN KAPADA ALLAH PERLU UNTOK MENCHAPAI KEBAHAGIAN HIDUP

*"Berhasil-nya sesuatu usaha itu bergantong kapada ketegohan memperjuangkan chita2 - kerana Allah"*

Manusia hidup di-atas muka bumi ini boleh-lah di-ibaratkan sa-bagai sa-orang musafir yang ber-kelana dan mengembara jauh menuju ka-pantai bahagia. Di-dalam peng-embaraan itu tadi penoh dengan chubaan, godaan dan halangan2 yang maha hebat yang apabila manusia itu tidak tahan uji tidak waspada, tidak mempunyai keimanan yang tegoh, dan kuat, maka mungkin sekali manusia itu akan ber-paling dari tujuan asal, hanyut tenggelam oleh tipu muslihat serta ke-nekmatan dunia, ter-gelinchir ka-dalam ju-rang kesesatan, dan jadi-lah ia lupa kapada Allah, lupa kapada diri-nya sa-bagai hamba Al-lah. Akhir-nya menjadi tak tentu arah tujuan kerana tiada punya pe-gangan dan ka-tegohan dalam hidup.

Bak kata pujangga: "Sa-tiap orang hati-nya bergerak untok berjuang di-dalam menchapai chi-ta2 yang luhor, tetapi sayang, sedikit sekali ter-dapat orang yang tegoh dan tahan uji".

Berhasil atau tidak-nya suatu usaha manusia itu di-dalam hidup ini ada-lah ter-gantong pula kapada ke-tegohan-nya di-dalam mem-perjuangkan chita2-nya.

Kalau hanya mendapat halangan sadikit sahaja su-dah kendor, bermakna ia bukan sa-orang yang tegoh. Orang2 yang sa-macham ini akan berakhir segala usaha dan amal-nya dengan ter-kandas di-tengah jalan.

Sa-bagai chontoh dan iba-rat supaya kita berhati tegoh ia-lah kehidupan sa-hari2 yang memerlukan makan dan minum serta pakaian. Se-mua-nya memerlukan kete-gohan dan keyakinan dalam mengendalikan di-samping memerlukan kebijaksanaan dalam mentadbir untok men-dapat dan membahagi2kan usaha2 ka-arah ini merupa-kan chobaan dan dugaan yang hebat, jika kurang ta-bah dan sabar boleh menda-tangkan dua akibat yang berlainan.

Pertama mungkin terkan-das di-tengah jalan tidak mendapat apa2 hasil, semen-tara akibat kedua berhasil tetapi membawa kebinasaan pada ibadat-nya di-sebabkan oleh tamak dan rakus kapada dunia menjadikan hilang sa-bar dan jadi-lah ia hamba kapada hawa nafsu-nya. Orang yang sa-macham ini juga masok ka-dalam golo-ngan orang yang lemah tidak dapat menguasai diri dan hati-nya.

Dari itu, salah satu tugas hidup yang amat penting ia-lah; sa-tiap saat kita harus berdaya upaya memupok se-mangat yang ada pada kita, semangat beramal dan ber-usaha untok menchapai apa yang kita hajati di-samping dengan tidak lupa pula ba-hawa kita ini sedang men-jalani ibadat dalam serba serbi termasok ibadat men-chari redzaki yang halal, ibarat menyiarkan amar ma'-arof dan nahi munkar di-kalangan manusia. Semua ini ada-lah memerlukan sa-bar dan ketegohan jiwa ser-ta pendirian.

# 10 Orang Puak Iban Memelok Ugama Islam

Kedua2 Gambar di-bawah memperlihatkan suatu Majlis pengislaman bagi sa-ramai 10 orang terdiri dari puak iban yang telah di-adakan di-rumah Awang Haji Mah-mud bin Mohd. Salleh, Kam-pong Sungai Besar.

Pengislaman tersebut telah di-lakukan oleh Yang Di-muliakan Pehin Orang Kaya Indera Laila Begawan Mu-dim Haji Ismail bin Metsa-rudin.





## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembayang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 9hb Jun, 1976 hingga ka-hari Selasa 15hb Jun, 1976 ada-lah saperti di-bawah ini: —

| *Hari Bulan* | *Dzohor* | *Asar* | *Magrib* | *Isha* | *Imsak* | *Suboh* | *Matahari Terbit* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 9hb Jun | 12.25 | 3.45 | 6.36 | 7.48 | 4.37 | 4.52 | 6.06 |
| 10hb Jun | 12.25 | 3.45 | 6.36 | 7.48 | 4.37 | 4.52 | 6.06 |
| 11hb Jun | 12.26 | 3.46 | 6.37 | 7.49 | 4.37 | 4.52 | 6.06 |
| 12hb Jun | 12.26 | 3.46 | 6.37 | 7.49 | 4.37 | 4.52 | 6.06 |
| 13hb Jun | 12.26 | 3.46 | 6.37 | 7.49 | 4.37 | 4.52 | 6.06 |
| 14hb Jun | 12.26 | 3.46 | 6.37 | 7.49 | 4.37 | 4.52 | 6.06 |
| 15hb Jun | 12.26 | 3.46 | 6.37 | 7.49 | 4.37 | 4.52 | 6.06 |

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12.45 tengah hari.



# Fired with zeal during course in Britain



Fire and Safety Officer (FSO) H. R. Osman of the Brunei Fire Brigade and based at Seria with the Brunei Shell Company, takes control of a fire-fighting tender during a practical exercise at the Fire Service Technical College at Moreton-in-Marsh in the English midlands.

He is one of 16 overseas students attending a six-week course at the college—one of the world's most modern fire-fighting schools. Located in pleasant rural countryside not far from Stratford-upon-Avon the residential college teaches over 500 students at any one time and receives some 500 students a year from overseas fire-fighting service.

FSO Osman is impressed with the range of facilities available at the college and feels that the training he has received in fighting oil-tanker, electricity and ship fires has given him an important insight into advanced fire-fighting techniques.

Mr. John Kirby is Royal Brunei Airline's new Commercial Manager, arrived last Sunday June 6th.

No newcomer to the region, Mr Kirby covered the Southeast Asia area when he was Marketing Officer for British Airways based in Singapore for two year in 1973-1975.

Having started his aviation career in mid-1957 with Aer Lingus he joined the then BEA later that year at London Airport where he gained invaluable experience in the Passenger and Aircraft Handling fields.

On transferring to BOAC he also changed to the Planning and Commercial side of aviation. In the years since then he worked in West Africa, Iran and Afghanistan before being posted to Singapore in 1973. Since leaving Singapore last year he has been British Airways Marketing Specialist for the Orient at their Head Office.

Married and 39 years old John Kirby was educated at Castleknock College, Dublin and for relaxation enjoys a regular round of golf.

# Royal le



Polo is the latest sport to come to Brunei and is already proving popular with the more daring riders.

Giving a lead in promoting the sport is His Highness the Sultan, seen here taking the ball during a match at Berakas Camp.

# Tutong



A student who believes in being placed higher than his classmates was o
at Tutong at the weekend.

# PABILA DADAH MENGUASAI JIWA....

Oleh : MOHD YAMIN, BSB

DADAH merupakan suatu masaalah yang tidak habis2 di-perbinchangkan oleh semua lapisan masharakat baik yang di-timor atau di-sebelah barat. Berbagai2 tindakan telah di-ambil oleh pehak2 berkenaan terhadap penyalah gunaan atau pengedar serta penagih2-nya.

Berchakap mengenai masaalah DADAH memang suatu perkara yang sukar juga, tetapi di-sini saya chuma sedikit menganalisa pengertian, merbahaya serta kesan2 yang timbul dari penyakit ketagih dadah.

Dadah ada-lah merupakan sa-jenis zat yang boleh mendatangkan perubahan dari segi tuboh badan, chara berfikir, tingkah laku dan juga perasaan sa-seorang yang terlibat dengan-nya. Di-antara dadah2 yang di-dapati masa ini ia-lah saperti Marijuana, Chandu, Heroin, Cocaine, MX pills, LSD, Ganja dan lain2 lagi. Dadah ini telah di-salah gunakan dan tidak menurut landasan perubatan.




## PENYELUDUPAN, PENGEDARAN DAN PENYALAH GUNAAN DADAH PATUT DI-BASMI DI-KALANGAN BELIA2 KITA DI-BRUNEI

Penyalah gunaan dadah dalam berbagai bentok telah mulai merebak sejak beberapa tahun yang lalu dan telah menjadi wabak yang merebak di-kalangan belia2 di-seluroh dunia. Wabak yang tidak ketara ini telah mendatangkan suatu masaalah politik, ekonomi dan sosial bagi pendudok di-dunia sekarang ini.

Di-antara kesan2 yang burok di-datangkan oleh penyalah gunaan dadah ini; ia-itu bagi belia2 yang ketagih dadah bekechenderongan bergual bebas antara lelaki dengan perempuan saperti Hippies.

Penagih2 dadah kehilangan tenaga dan daya berfikir yang lojik. Tanpa ada-nya dadah semangat-nya bertambah uzor, akibat-nya amalan memakan-nya terus di-lakukan sa-hingga tuboh badan menjadi kurus, jatoh sakit dan hidup saperti bangkai bernyawa serta seterus-nya menemui maut.

Pemadat2 dadah mendatangkan kerugian malah melemahkan proses dan daya usaha ka-arah pembangunan kerana tenaga mereka itu tidak dapat memainkan peranan yang di-kehendaki oleh negara.

Penagih2 dadah yang terdiri dari segenap golongan masharakat yang sama ada mempunyai pekerjaan atau tidak biasa-nya mendatangkan masaalah sosial. Sebab harga2 dadah melambong tinggi di-pasaran gelap—oleh kerana kekurangan wang untok membeli dadah itu mereka melakukan jenayah saperti menchuri, merompak dan kadang kala membunoh jika keadaan terdesak.

Kejadian2 yang tidak di-ingini ini telah terjadi di-negara2 Asia, Amerika dan Eropah. Hal ini di-boktikan di-mana kita sering mendengar dan membacha melalui radio, talivishen, surat2 akhbar dan majallah yang mempaparkan kejadian2 yang burok akibat dadah yang bahaya ini. Dari itu negara2 di-dunia berusaha membenteras pengedaran dadah2 ini sa-bagai chontoh di-negara jiran Singapura telah mengadakan Biro Penchegah Narkotik yang bertugas menghapuskan dan menangkap penyeludup, pengedar dan penagih2 dadah. Undang2 yang ketat bagi menghukum mereka yang terlibat dan di-kenakan dengan seberat2 hukoman.

Di-sini ada baik-nya sedikit sa-banyak saya paparkan potongan2 akhbar mengenai dengan penyeludup2, pengedar dan penagih2 dadah, antara lain : "Di-penjara 20 tahun, di-rotan 15 kali kerana edar dadah" — "Di-penjara tujoh tahun kerana choba seludup dadah" — "Ketua Kampong di-berkas kerana menyimpan chandu" — "Pulis Hongkong rampas dadah 20 juta ringgit" dan lain2 lagi.

Satu chontoh lagi yang saya petik dari Surat Akhbar Mingguan Raayat, keluaran pada 13hb Mach, 1976 antara lain melaporkan bahawa sa-orang ibu yang lama di-kenali sekarang selalu terganggu fikiran-nya kerana anak tunggal kesayangan-nya yang baru menjadi jurutera telah meninggal dunia. Jurutera muda itu menemui maut kerana tidak mendapat dadah yang selalu di-tagih-nya. Dan sa-orang gadis belasan tahun di-jumpai pingsan dan telah di-hantar ka-rumah sakit. Pemereksaan yang di-jalankan oleh doktor sa-lanjut-nya menunjokkan bahawa gadis tersebut telah di-resapi dadah di-seluroh tuboh, dan sa-telah khayal dengan dadah ia di-rogol oleh teman lelaki-nya sendiri.

Penyibaran dan jangkitan dadah yang merbahaya ini bagi negara kita Brunei juga tidak terkechuali, walaupun tidak sa-hebat saperti negara2 Singapura, Malaysia, Thailand, Hongkong, Filipina dan lain2 lagi. Namun bagi kita harus-lah berwaspada terhadap dengan orang2 yang tidak bertanggong jawab ini daripada menyeludup dan mengedarkan dadah terutama sakali kapada belia2 kita.

Bagi di-negara kita Brunei, undang2 telah ada terhadap penjenayah2 yang melakukan penyeludupan, pengedaran dan penagih2 dadah yang merbahaya ini. Tetapi sa-jauh ini orang ramai belum banyak yang mengetahui-nya.

Undang2 ini telah di-kuat kuasakan sudah bertahun2 dan dapat-lah di-boktikan dengan ada-nya tangkapan2 oleh pehak pulis terhadap orang2 yang telah menyeludupkan dadah2 ini. Dan pehak Mahkamah telah menghukom mereka yang di-dapati melakukan kesalahan itu.

Dari itu timbul beberapa persoalan kapada orang ramai di-Brunei ia-itu ada-kah kita memandang sepi atau membiarkan sahaja penyibaran dadah yang merbahaya ini ibarat api dalam sekam yang biasa merosakkan keharmonian masharakat kita orang2 Brunei ?

Ada-kah kita akan membiarkan belia2 kita ini di-pengarohi oleh penyalah gunaan dadah ini sa-hingga merosakkan keperibadian belia2 kita Brunei ?

Atau ada-kah ibarat kata pepatah "Sudah terantok baru tengadah" dalam perkara tersebut?

Persoalan2 yang di-atas hanya akan dapat di-jawab sendiri oleh masharakat kita orang2 Brunei yang chintakan kapada bangsa, agama dan tanah ayer kita sendiri, ia-itu Negeri Brunei yang aman sejahtera dan di-bawah perlindongan Allah.

## PAMERAN DADAH BAHAGIAN PULIS




Ada-lah di-harapkan kerjasama yang ikhlas dari orang-ramai supaya jangan ragu2 untok melaporkan sa-siapa juga penagih, pengedar dan penyeludup DADAH; Chandu, Ganja, Rokok Ganja dan lain2 itu kapada pehak berkuasa Pulis. Dengan kerjasama ini saja perbuatan yang menyalahi undang2 negeri akan dapat di-basmi sa-belum merebak.

Lebeh bahaya lagi, kerana mangsa ketagih dadah ini tidak ketara saperti mangsa2 kolera, atau chachar. Namun dalam jangka panjang wabak ketagih dadah akan meruntohkan masharakat dan negara.

Wabak yang tidak ketara ini juga di-takuti merebak terutama di-kalangan para belia2 kita, di-Brunei ini.

Oleh kerana itu, ada-lah di-nasehatkan kapada ibu bapa supaya akan mengawal, mengawasi serta mendidek anak2 dari terchebor ka-lembah kehinaan yang tidak akan dapat di-selamatkan akibat penyakit dadah itu.

Kedua2 gambar di-atas memperlihatkan sa-bahagian dari Pameran oleh Bahagian Pulis Diraja, yang telah di-adakan sempena dengan upachara pembukaan rasmi Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah di-Pekan Seria, baru2 ini. Gambar ikhsan dari Bahagian Penerangan, Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei.

# PERADUAN SENI LUKIS DAN PERTUKANGAN TANGAN SEMPENA HARI KEPUTERAAN DYMM KE-30

## Terbuka kapada semua murid2 Sekolah dan orang ramai Seluroh Daerah Belait

**PEKAN SERIA. — Satu Pameran Seni Lukis dan Pertukangan Tangan bagi menyambut Perayaan Hari Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan yang Ke-30 bagi Daerah Belait, Kali Ke-2 akan di-adakan pada hari Sabtu 31hb Julai dan Ahad pada 1hb Ogos, akan datang, bertempat di-Dewan Maktab Anthony, Abell, di-sini.**

Persetujuan mengadakan Pameran Seni Lukis dan Pertukangan Tangan ini telah di-ambil dalam satu sidang mashuarat yang telah di-adakan di-sini baru2 ini. Mashuarat itu juga telah melantek Ahli2 Jawatan Kuasa yang terdiri:—

Pengurusi, Pg Amir Mohd Yusof bin Pg Abbas; Penolong Pengurusi, Haji Abdullah Hj Mangol; Setia Usaha, Mrs S. Lee; Setia Usaha I, Chegu Mashud Hj Hamzah; Setia Usaha II, Chegu Ahmad Simoh; Bendahari, Chegu Ahmad Hussein; Jawatan Kuasa Kechil, Chegu Raduan (SPIS); Chegu Mohd Din, Chegu Mastafa Burut (PWES), Chegu Hassan Yusof (PWES), Miss Tan Lai Moi (SPI KB), Miss Yee Siew Lan (SPI KB), Awang Ali Abdullah (St Michael's), Hatta (St John KB), Leong Oi Nyuk (Chung Hwa), Chegu Yunos Lamit (AAC).

Pengawas Lukisan Bahagian Dewasa Awang Zainal Ali; Pengawas Minuman (Ketua), Mrs E. Sulaiman, Chegu Rosnah; Pengawas Hadiah, Chegu Aisah Masron, Hjh Ismah, Chegu Wan Zan; Tukang Gambar, Mr G. Wood dan Mr David Ann.

Pengawas Lukisan: (1) Kawasan Seria Kumpulan 1, 2 dan 3, Jalani Hj Gapar (SMMA), (2) Kawasan Seria Kumpulan 4 dan 5, Mir Hassan Hussein (SPI); (3) Kawasan K. Belait Kumpulan 1, 2 dan 3, Nor Samsuddin (SMAT); (4) Kawasan K. Belait Kumpulan 4 dan 5, Bro. Fred George (St James); (5) Merangking, Buau, Apak2, Sukang, Malilas, Hj A. Damit Hj Hassan dan (6) Lumut, Sg Liang, Chung Ling, Chegu Ahmad Abdul Rahman.

**Peraduan ini terbahagi kapada 5 Kumpulan:** Kumpulan 1 Orang Dewasa, Kumpulan 2 Penuntut2 Maktab dan Sekolah2 Menengah Atas (Tingkatan 4 dan 5), Kumpulan 3 Murid2 Sekolah2 Menengah Bawah (Tingkatan 1, 2 dan 3), Kumpulan 4 Murid2 Sekolah2 Rendah, Kumpulan 5 Tadika Kindergarden 5 tahun ka-bawah).

**Sharat2 dan Peratoran memasoki Pamiran ini:** 1. Lukisan dan Pertukangan Tangan yang telah di-pamerkan dari tahun 1975 tidak akan di-terima. 2. Semua lukisan hendak-lah di-bingkai (frame) atau di-lekat di-kertas tebal (mounting). 3. Tiap2 Lukisan dan Pertukangan yang akan di-pamerkan hendak-lah di-buat atau di-lukis oleh penuntut itu sendiri tanpa bantuan. 4. Ukoran Lukisan tidak lebeh daripada 16" x 22". Kumpulan Dewasa bebas. Nama penoh, tingkatan, sekolah dan tajok mesti di-tulis. 5. Semua lukisan2 hendak-lah berwarna, yang melukiskan atau menggambarkan pemandangan2 Negeri Brunei.

**Jenis2 Lukisan2 dan Pertukangan Tangan yang akan di-beri hadiah:** Untok Kumpulan 1 orang dewasa: — 1. Lukisan Alam Benda (Still Life), 2. Lukisan Alam Semula Jadi (Nature), 3. Lukisan Potret (Potrait), 4. Lukisan Gubahan Fikiran (Imaginative Composition), 5. Seni Batik Batek Painting).

Kumpulan 2 dan 3: 1. Lukisan Alam Benda (Still Life), 2. Lukisan Alam Semula Jadi (Nature), 3. Lukisan Potret (Portrait), 4. Lukisan Gubahan Fikiran (Imaginative Composition), 5. Seni Batik (Batek Painting) Tie/Dye, 6. Archa, 7. Mengchap Lino (Lino Printing) Ukoran tidak kurang daripada 1¼ ela, 8. Mengchap Screen (Screen Printing) dan 9. Seni Astrek.

Kumpulan 4 dan 5: 1. Lukisan Alam Benda (Still Life), 2. Lukisan Alam Semula Jadi (Nature), 3. Lukisan Gubahan Fikiran (Imaginative Composition), 4. Kerjatangan (Crafts).

Hadiah2 ada-lah berupa wang saperti di-bawah: Kumpulan orang dewasa, Pertama $75, kedua $65, ketiga $50, keempat $30.



Pengerusi: Pengiran Amir Mohd. Yusof bin Pg. Abbas.

Kumpulan 2 dan 3 penuntut2 sekolah2 menengah atas dan bawah: Pertama $30, kedua $25, ketiga $20, keempat $15.

Kumpulan 4 dan 5 sekolah2 rendah dan tadika: Pertama $15, kedua $10, ketiga $7 dan keempat $5.

Menurut sa-orang juru chakap Peraduan tersebut bahawa semua lukisan2 dan Pertukangan2 Tangan yang hendak di-pamerkan itu hendak-lah sampai ka-Maktab Anthony Abell, Seria, tidak lewat pada hari Sabtu 24hb Julai jam 12.30 tengah hari.

Sa-lanjut-nya di-fahamkan ia-itu borang2 penyertaan untok peraduan tersebut itu boleh di-dapati dari Chegu Mashud bin Haji Hamzah di-alamat Maktab Anthony Abell, Seria, Chegu Ahmad bin Simo, Sekolah Inggeris Perdana Wazir, Kuala Belait dan Awang Zainal bin Aii, Brunei Press, Kuala Belait.

# PAMERAN BUKU2 DI-DEWAN BANDARAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Guru2 Bahasa Inggeris sa-bagai Bahasa Asing akan mengadakan satu pameran buku2 bertempat di-Dewan Bandaran, di-sini, mulai esok jam 9.00 pagi.

Lebeh dari 20 badan penchetak buku2 termasok perwakilan-nya dari berbagai negeri akan mengambil bahagian.

Ada-lah di-fahamkan bahawa berbagai jenis buku2 sekolah dan alat pandang dengar juga akan di-pamerkan. Ia-nya akan di-buka kapada orang ramai dari iam 9.00 pagi hingga 12.30 tengah hari dan dari jam 2.00 hingga 6.00 petang.

# MAJLIS TAHLIL GENAP 7 HARI AL-MARHUM PENGIRAN TEMANGGONG





Kedua gambar ini menunjokkan satu Majlis Tahlil genap-nya 7 hari kemangkatan Al-Marhum Yang Teramat Mulia Seri Paduka Pengiran Temanggong Sahibol Bahar Pengiran Mohamad bin Pengiran Abdul Rahman Piut, telah di-adakan di-Makam Diraja, Bandar Seri Begawan, minggu lalu.

Sa-kumpulan pegawai2 dari Jabatan Hal Ehwal Ugama serta sanak saudara Al-Marhum itu telah menghadziri majlis tersebut. Al-Marhum mangkat pada hari Selasa lalu ketika berusia 71 tahun.









# PAMERAN PULIS SEMPENA PERASMIAN SEK. UGAMA DI-SERIA

**PEKAN SERIA. — Satu Pameran Dadah, ia-itu Chandu, Paip Penghisap Chandu, Rokok Ganja, Gambar sa-orang Penghisap Chandu, Marijuana, Empat Ekor, Chap Je Kee serta Senjata2 api bagi Pulis Penchegah Rusohan, telah di-adakan di-sini, sempena dengan hari Pembukaan Rasmi Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah, baru2 ini.**

Pameran yang amat menarek hati orang ramai untok mengetahui-nya sa-chara dekat akan benda2 tegahan dan menyalahi undang2 negeri dan Ugama Islam saperti ini juga telah di-pamerkan di-Upachara Pembukaan Rasmi Sekolah Ugama Pengiran Muda Muhammad Bolkiah, Temburong dan Sekolah Ugama Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Kampong Saba, (Kampong Ayer) Bandar Seri Begawan.

Menurut sa-orang juruchakap Pulis bahawa Pameran sa-rupa ini juga akan di-adakan pada masa upachara pembukaan rasmi bagi Sekolah Ugama, Kampong Lurong Dalam (Kampong Ayer) yang di-jadualkan pada bulan Ogos akan datang.

Gambar berhubong dengan pameran tersebut adalah ikhsan dari Bahagian Penerangan, Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei.

# $3.5 JUTA BAGI SEKOLAH UGAMA KUALA BELAIT

KUALA BELAIT. — Kerja2 membersehkan sa-buah kawasan sa-luas 15 ekar di-Jalan Setia Diraja, di-sini bagi pembenaan sa-buah Sekolah Ugama yang akan menelan belanja 3.5 juta ringgit telah di-mulakan.

Projek tersebut akan mengandongi dua buah blok bilek darjah enam, blok rumah kelas "C", sa-buah dewan, sabuah pejabat pentadbiran, sa-buah kedai kechil dan sabuah padang bola sepak.

Bangunan tersebut di-jangka siap dalam masa 18 bulan.

Ada-lah di-fahamkan bahawa sa-jauh ini sa-banyak tiga buah Sekolah Ugama yang boleh di-katakan lengkap dan moden telah siap di-gunakan, ia-itu: Sekolah Ugama Pengiran Muda Muhammad Bolkiah, Temburong; Sekolah Ugama Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Kampong Saba, dan Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Pekan Seria.

Menurut sa-orang juruchakap dari Jabatan Hal Ehwal Ugama Bahagian Pelajaran Ugama Brunei, bahawa sabuah lagi Sekolah Ugama yang sudah di-gunakan akan di-rasmikan pembukaan-nya dalam bulan Ogos akan datang.

Sekolah tersebut di-beri nama Sekolah Ugama Pengiran Muda Almuhta de Billah, Kampong Lurong Dalam.

# Sokan Tahunan Sekolah2 China Sa-Negeri

KUALA BELAIT. — Yang Berbahagia Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Ja'afar telah merasmikan Sukan Tahunan Sekolah2 Rendah dan Menengah China di-negeri ini di-Padang KBRC di-sini pada hari Jumaat yang baru lalu.

Sa-banyak 8 buah Sekolah China dari ka-empat2 buah Daerah di-Brunei telah mengambil bahagian.

Sukan Tahunan Kali Ke-3 yang di-adakan sa-lama dua hari itu telah di-mulakan dengan sa-banyak 45 achara pada hari pertama manakala di-hari kedua pula sa-banyak 47 achara telah di-pertandingkan, termasok achara lumba berganti2 undangan antara sekolah2.

# Persatuan Perdagangan Tiong Hwa Sa-Negeri Akan Di-Tubohkan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Perdagangan Tiong Hua di-sini akan memperbesarkan lagi pertubohan mereka.

Ini telah di-terangkan oleh sa-orang pegawai persatuan tersebut kapada Jabatan Penerangan. Pegawai tersebut, Awang Koh Yu Huat menerangkan bahawa keputusan untok memperbesarkan persatuan tersebut telah di-buat dalam satu mashuarat yang telah di-adakan pada minggu lalu bersempena dengan Hari Ulang Tahun Ke-29 persatuan itu.

Awang Koh juga menyatakan bahawa wakil2 dari dua buah Persatuan Perdagangan Tiong Hua di-Seria dan Kuala Belait, akan di-jemput bagi menghadhiri satu mashuarat yang akan di-adakan tidak berapa lama lagi, untok membinchangkan soal pembentokan sa-buah Persatuan Perdagangan sa-Negeri.

Dalam mashuarat itu, mereka telah juga mengambil keputusan untok menggabongkan Persatuan Beras dan Gula yang akan di-mansohkan, dengan Persatuan Perdagangan Tiong Hua, Bandar Seri Begawan.

Walau bagai manapun persatuan tersebut akan terus menguruskan hal ehwal Beras dan Gula.

# ad in Brunei's latest sport



# udent for the high jump



f the athletes who took part in the Muda Hashim Malay School Sports held



James Drury stars as the Virginian in Thursday's Western.

# RANCHANGAN tv BRUNEI MINGGU INI

TV BRUNEI reserves the right to alter programmes as necessary. Finalised telecast details will appear in our Programme Summaries.

**SATURDAY 12 JUNE**

5.45 pm Opening/Programme Summary
5.48 pm Koran
6.00 pm News Headlines
6.02 pm Sesame Street
6.37 pm Azan
6.41 pm Sesame Street—con't.
7.00 pm English News
7.10 pm Seven of One — "One Man's Meat"
7.40 pm Cannon — "Trail by Terror"
8.30 pm Warta Berita
8.45 pm Star Soccer
9.35 pm Saturday Movie: Fox "Danger Has Two Faces"
11.00 pm Close Down.

**SUNDAY 13 JUNE**

5.45 pm Opening/Programme Summary
5.48 pm Koran
6.00 pm News Headlines
6.02 pm Vision On — "Water"
6.27 pm Follyfoot — "The Challenge"
6.37 pm Azan
6.41 pm Follyfoot — cont'd.
7.00 pm English News
7.10 pm The Bionic Woman —
8.00 pm Nature of Things — "The Last Stand-Point Pelee"
8.30 pm Warta Berita
8.45 pm Sing Out With The Settlers
9.15 pm Six Wives of Henry VIII—"Anne Boleyn"
10.45 pm Close Down.

**MONDAY 14 JUNE**

5.45 pm Opening/Programme Summary
5.48 pm Koran
6.00 pm News Headlines
6.02 pm Little House On The Prairie — "Haunted House"
6.37 pm Azan
6.41 pm Little House On The Prairie — con't.
7.00 pm English News
7.10 pm I Dream of Jeannie— "Birds and Bees Bite"
7.40 pm The Persuaders — "The Gold Napoleon"
8.30 pm Warta Berita
9.45 pm Kan Hal-nya
9.15 pm Hawaii Five O — "Highest Castle, Deepest Grave"
10.25 pm Journey To The Unknown
11.15 pm Close Down.

**TUESDAY 15 JUNE**

5.45 pm Opening/Programme Summary
5.48 pm Koran
6.00 pm News Headlines
6.02 pm Sesame Street
6.37 pm Azan
6.41 pm Sesame Street—cont'd.
7.00 pm English News
7.10 pm Mission Impossible — "The Party"
8.00 pm Interlude
8.05 pm The Monkees — "Prince and Pauper"
8.30 pm Warta Berita
8.45 pm Selayang Pandang
9.15 pm Kojak — "Last Rites for a Dead Priest"
10.05 pm Warship — "The Man From the Sea"
10.55 pm Close Down.

**WEDNESDAY 16 JUNE**

5.45 pm Opening/Programme Summary
5.48 pm Koran
6.00 pm News Headlines
6.02 pm Lost In Space — "West of Mars"
6.38 pm Azan
6.42 pm Lost In Space—cont'd.
7.00 pm English News
7.10 pm Karen — "Love and Other Issues"
7.40 pm New Scotland Yard — "Two Into One Will Go"
8.30 pm Warta Berita
8.45 pm News/Current Affairs
9.15 pm Kung Fu — "The Arrogant Dragon"
10.05 pm Show Of The Week: "Cilla Black Holiday Special"
11.00 pm Close Down.

**THURSDAY 17 JUNE**

5.45 pm Opening/Programme Summary
5.48 pm Koran
6.00 pm News Headlines
6.02 pm Voyage To The Bottom Of The Sea—"The Silent Saboteurs"
6.38 pm Azan
6.42 pm Voyage To The Bottom Of The Sea — cont'd.
7.00 pm English News
7.10 pm Wide World Of Sports
7.40 pm The Rockford Files
8.30 pm Warta Berita
8.45 pm Hidayat
9.15 pm The Virginian — "The Barren Ground"
10.30 pm Close Down.

**FRIDAY 18 JUNE**

5.45 pm Opening/Programme Summary
5.48 pm Koran
6.00 pm News Headlines
6.02 pm Murai
6.38 pm Azan
6.42 pm Lancelot Link, Secret Chimp
7.00 pm English News
7.10 pm The Olympiad "The Decathlon"
8.00 pm Police Surgeon — "Star Witness"
8.30 pm Warta Berita
8.45 pm Wrestling
9.35 pm Mystery Movie: Colombo "Death Lends a Hand"
11.00 pm Close Down.



Awang Haji Ahmad Arshad (kanan), Ketua Penerangan Majlis Belia2 Negeri Brunei, Pengiran Yusof bin Pengiran Anak Hashim (kiri), Timbalan Setia Usaha MBB, sa-waktu berangkat ka-Singapura dalam perjalanan mereka ka-Colombo, Sri Langka, untok menghadziri Seminar Belia2 bagi Rantau Asia. Thema Seminar, "Pendidekan".

**Dari muka 1**

juga boleh di-dapati dari Pejabat2 Daerah dari jam 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari dan dari 1.30 petang hingga 3.30 petang.

Pejabat Daerah Tutong, pada hari Isnin dan Selasa, 14hb dan 15hb Jun.

Pejabat Daerah Belait, pada hari Rabu, Khamis dan Sabtu, 16hb, 17hb dan 19hb Jun.

Rumah Persinggahan Temburong, pada hari Isnin dan Selasa, 21hb dan 22hb Jun 1976.

Untok mendapatkan Borang2 itu, Kad Pengenalan atau Sijil Keraayatan ada-lah juga di-kehendaki.

Borang2 yang telah di-isikan hendak-lah di-kembalikan kapada Jabatan Perpindahan atau kapada Pejabat Daerah yang berkenaan. Tarikh tutop menerima Borang2 Penyelidekan itu ada-lah di-tanggohkan kapada 30hb Jun, 1976 ini.

## PASAR RIA DI-DANAU

TUTONG.—Persatuan Angkatan Melayu Danau, akan menganjorkan satu temasha pasar ria yang akan di-adakan di-Kampong Danau pada 3hb dan 4hb Julai akan datang.

Temasha tersebut ada-lah bertujuan untok mengutip derma bagi Tabong Kebajikan Kebangsaan Brunei.

Antara achara2 yang menarek ia-lah pameran alat2 senjata api dan helikopter persembahan dari Askar Melayu Diraja Brunei.

Di-samping itu penjualan murah aneka barang2 juga akan di-adakan.

## Menyembahkan Dan Menguchapkan TERIMA KASEH

YANG AMAT MULIA PENGIRAN RATNA WANGSA PENGIRAN HAJI METUSSIN BIN PENGIRAN ABDUL RAHMAN PIUT DAN SEMUA ANAK2 SERTA KELUARGA AL-MARHUM YANG TERAMAT MULIA SERI PADUKA PENGIRAN TEMANGGONG SAHIBUL BAHAR PENGIRAN HAJI MOHAMAD BIN PENGIRAN ABDUL RAHMAN PIUT MENYEMBAHKAN DAN MENGUCHAPKAN RIBUAN TERIMA KASEH ATAS UCHAPAN2 TA'ZIAH SERTA AMAL SEDEKAH SA-MASA KEMANGKATAN AL-MARHUM YANG TERAMAT MULIA SERI PADUKA PENGIRAN TEMANGGONG SAHIBUL BAHAR PENGIRAN HJ. MOHAMAD BIN PENGIRAN ABDUL RAHMAN PIUT PADA HARI SELASA 25HB. MEI, 1976.

# GIGEH BERUSAHA, KUAT BEKERJA —

## *Jangan banyak kakurapak!*

**Dari muka 1**

tegas-nya.

Kata Yang Berhormat itu lagi bahawa dari sekarang kita hendak-lah sama2 berusaha dalam lapangan masing2, umpama-nya yang nelayan hendak-lah berusaha untok mendapatkan ikan yang lebeh. Yang bertani pula hendak-lah berusaha bagi menambah penghasilan mereka itu. Yang bekerja hendak-lah berusaha meninggikan nilai pekerjaan. Dan yang berniaga hendak-lah melipat gandakan mutu perniagaan-nya.

"Kita melihat orang asing yang datang ka-negeri kita ini senang-linang, kaya-raya. Ini kerana usaha mereka itu. Kemudian kita marah, pada hal kita hanya dudok diam dan tidak mahu berusaha," kata-nya.

Chuba-tah, siapa kan di-salahkan? tentu kita salahkan diri dan orang kita sendiri yang tidak mahu berusaha, kata Yang Berhormat itu.

Baru2 ini, kata beliau lagi, "Saya baru saja balek dari meninjau sambil belajar di-Pulau Hongkong, sa-buah pulau yang kechil dan mempunyai pendudok-nya 5 juta orang. Di-pandang dari keadaan tanah untok berchuchok tanam kebanyakan-nya batu2 belaka — Apa kan di-tanam? Batu sahaja (sambil berseloroh, hadzirin pun ketawa berdekah2). Tetapi oleh kerana kerajinan dan usaha mereka yang begitu gigeh, boleh di-katakan taraf hidup pendudok Hongkong yang ramai itu, terjamin dan sedarhana."

Kita di-Brunei sini, ibarat kata "Amborkan saja biji sikui lepas makan atu" ia-nya akan jadi dan berhasil—tapi kita di-Brunei, Sikui pun kitani membeli arah orang (hadzirin sekali lagi bergelak ketawa). Kalau pun musim sikui terlalu mahal harganya, kata beliau, "ini tidak dapat kita salahkan."

Kerana kurang usaha-lah, kata Yang Berhormat itu lagi barang2 makanan dan keperluan sambat malam ari ani, menjadi begitu mahal dan mungkin akan lebeh mahal. Kerana hasil yang di-dapati dari dalam negeri sedikit sedangkan yang menghendaki-nya (pembeli-nya) semakin banyak.

Mengenai perusahaan menangkap ikan, menurut Yang Berhormat itu kebanyakan pendudok di-kampong ini menangkap ikan. Turun ka-laut sa-paroh mati berdagang nyawa di-lautan lepas. Kemudian sudah dapat ikan di-jual ka-pasar melalui orang tengah dengan sekian untong dan orang tengah pula menjual kapada orang ramai dengan sekian untong.

Mengapa-kah hal ini menjadi demikian?

Oh! Kerana nelayan itu bukan punya perahu dan engin (semua kepunyaan orang tengah), tidak heran, kata beliau.

Akan tetapi, tanya Yang Berhormat itu, ada-kah kita akan menyerahkan nasib kita sa-lama2-nya kapada orang tengah itu tadi ?

Dari itu beliau lalu mengharapkan kapada pendudok kampong di-Sungai Teraban itu supaya bermaufakat, bermuzakarah dan banyakkan tabiat kuat bekerja; jangan sedikit kerja, banyak kakurapak!

Yang Berhormat Malai Haji Mashhor mengakhiri uchapan-nya dengan sekali lagi menasihatkan anak2 kampong di-situ supaya bekerjasama demi kepentingan bangsa, ugama dan Kerajaan Kebawah Duli Yang Mulia Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei.

Majlis Ramah-Tamah atau Temu-Ramah yang di-anjorkan oleh pehak Bahagian Penerangan, Jabatan Setia Usaha Kerajaan, di-Kampong Sungai Teraban itu ada-lah sa-bagai projek bulanan-nya mengunjongi pendudok ka-kampong2 dengan sa-rombongan PSYOPS-nya.

Majlis tersebut di-adakan di-Balai Raya Kampong Sg. Teraban itu di-hadziri oleh kira2 lebeh 200 orang, terdiri dari orang tua2 (tuan2 haji); belia dan wanita itu benar2 kita rasakan begitu mesra sekali serta membayangkan suatu persatuan yang kokoh dan tegoh berdiri di-belakang Kerajaan, DYMM, sa-bagai Raja dan Kepala Negara yang berdaulat.

Di-akhir Majlis tersebut itu, turut memberikan uchapan-nya ia-lah Ketua Kampong Sungai Teraban Awang Timbang bin Labai, antara lain menyatakan supaya pendudok di-kampong Teraban waspada dan mengawasi segala anasir2 yang tidak bertanggongjawab yang ingin merosak keamanan dan keharmonian pendudok di-kampong ini.

Kata-nya, jika terdapat masaalah2 para pendudok di-kampong ini hendak-lah kita selesaikan atau rundingkan melalui saloran2 tertentu—dari beliau kemudian baharu-lah kapada Pegawai Daerah Belait.

Beliau juga menyatakan terima kaseh-nya kapada penerangan2 dan nasehat2 yang telah di-berikan dalam Majlis Temu Ramah, demi kebaikan pendudok di-kampong-nya.



Gambar memperlihatkan Pengarah Perjawatan, Awang Abd. Rahman bin Dato Hj. Mohd. Taib (sebelah kiri), di-sebelah kanan sekali isteri beliau Dayang Edah dan di-tengah2 Penyelia Kesenian Awang Zaini bin Abd. Hamid, ketika memerhati Pameran Seni Lukis dan Kerja Tangan bagi Sekolah2 Rendah dan Menengah, di-bilek Pameran Dewan Bahasa dan Pustaka, Bandar Seri Begawan.

## PTE Munchol sa-Bagai Johan

TUTONG.—Pusat Tingkatan Enam telah munchol sa-bagai Johan dalam pesta temasha sokan bagi Sekolah2 Menengah Atas dan Maktab di-seluroh negeri ini.

Sa-banyak 17 buah Sekolah2 dan Maktab2 telah mengambil bahagian dan hampir 400 orang peserta dari sekolah2 tersebut telah mengambil bahagian dalam achara2 yang di-pertandingkan.

Naib Johan telah di-menangi oleh Sekolah Inggeris Sufri Bolkiah dan tempat Ketiga telah di-rebut oleh Maktab SOAS Senior.

DI-TERBITKAN OLEH BAHAGIAN PENERANGAN, PEJABAT SETIA USAHA KERAJAAN DAN DI-CHETAK OLEH JABATAN PERCHETAKAN KERAJAAN BRUNEI.